MODUL BAHASA MELAYU TAHUN 4 (UNIT 17)

Khamis 15 Julai 2021

Kata Majmuk Bebas

Arahan : Pilih jawapan yang paling sesuai

1. Seng Yun mengulang kaji pelajaran dengan berpandukan_____ yang baru dibelinya.

A buku kedatangan
B buku catatan
C buku rujukan
D buku lima

2. Mei Lan menukar bingkai _____nya yang rosak kerana terjatuh ke lantai.

A cahaya mata
B cermin mata
C mata pisau
D matahari

3. Hakim itu menggunakan_____nya semasa menjatuhkan hukuman kepada pesalah itu.

A budi bahasa
B budi pekerti
C budi bicara
D balas budi

4. Jejaka itu ternanti-nantikan _____ dengan gadis idamannya pada minggu depan.

A temu janji
B temu bual
C temu duga
D temu ramah

5. Perarakan Hari Kemerdekaan akan disiarkan secara _____ dari Dataran Merdeka.

A lalu lintas
B lintas akal
C litar pintas
D lintas langsung

6 Marsya kelihatan muram apabila dia hanya mendapat _____ dalam pertandingan nyanyian.

A baik hati
B puas hati
C sagu hati
D gerak hati

7. Kai wong memasukkan sehelai kertas kecil yang mengandungi cadangannya ke dalam _____.

A peti besi
B peti sejuk
C peti wang
D peti cadangan

8. Jangan _____kan hal peribadi dengan kerja kita," kata Ali kepada rakan setugasnya.

A tangan baju
B campur aduk
C tangan kanan
D campur tangan

9. Cikgu Shaerina memastikan _____ lagu yang diterangkannya difahami oleh murid-murid.

A seni kata
B tutur kata
C kata putus
D kata laluan

10. Telefon bimbit yang lama itu tidak di_____ lagi.

A guna pakai
B temu bual
C kemas kini
D ambil alih

MODUL BAHASA MELAYU CIKGU SHAE ISMAIL

LIVEWORKSHEETS